



Lembaran Kerja 6

Isi tempat kosong dengan jawapan yang diberi.

cemburu	melanggar	ketidaktenteraman	penganiayaan	simpati
memaafkan	menghargai	bangga	bersopan-santun	berdikari

1. Kita hendaklah _____ kemudahan awam yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.
2. Individu yang tidak yakin pada diri sendiri akan berasa _____ akan kejayaan orang lain.
3. Kita bebas melakukan apa sahaja asalkan tidak _____ undang-undang dan peraturan.
4. Orang yang sedia _____ kesalahan orang lain dengan ikhlas adalah orang yang berhati mulia.
5. Perasaan _____ perlu ditunjukkan kepada golongan dalam kesusahan jika kita tidak dapat menghulurkan bantuan kebendaan kepadanya.
6. Kita wajar mengamalkan sikap berupaya _____ sendiri terutama dalam menguruskan hal-hal diri kita sendiri.
7. Amalkan _____ dalam pertuturan dan perlakuan menjamin keharmonian dan kemesraan dalam perhubungan dengan orang lain.
8. Orang yang cinta kepada negara akan berasa _____ menjadi warganegara di negara ini.
9. Melakukan _____ terhadap binatang merupakan amalan orang yang tidak sayang kepada nyawa.
10. Sesebuah negara yang ditadbir dengan tidak mengutamakan keadilan akan menyebabkan huru-hara dan _____ yang berpanjangan.